

## Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan*

- 1 Kerajaan yang muncul dalam tamadun awal di Asia Tenggara boleh dibahagi kepada dua iaitu kerajaan agraria dan kerajaan maritim. Pembahagian ini berasaskan aspek kedudukan geografi dan sosioekonomi

(a) Nyatakan dua kegiatan ekonomi kerajaan agraria

(i) .....

(ii) .....


[2 markah]

(b) Bagaimanakah pemerintah kerajaan agraria memajukan kegiatan ekonomi mereka?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Peta di bawah berkaitan dengan kerajaan agraria di Asia Tenggara



Merujuk peta di atas, mengapakah kerajaan Funan dapat berkembang menjadi sebuah kerajaan maritim di Alam Melayu.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 2 Petikan di bawah berkaitan dengan peperangan dalam Islam

“Strategi Nabi Muhammad s.a.w dalam peperangan lebih kepada tujuan dakwah untuk menawan dan mengislamkan kaum Musyrikin, bukan dengan niat lain seperti menjajah tanah mereka” Aizuddin Kamarul Zaman (pendakwah/penulis)

<http://www.berita harian.com.my>

- (a) Mengapakah peperangan dibenarkan dalam Islam?

.....  
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan prinsip yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Bersetujukah anda peperangan pada masa kini menyebabkan berlaku banyak kemusnahan dan kerosakan?

Beri alasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

3 Malaysia mempunyai lambang tersendiri seperti negara-negara lain di dunia.

(a) Nyatakan lambang negara Malaysia

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan lambang negara kepada rakyat Malaysia?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) i. Berikan tingkah laku segelintir masyarakat hari ini yang tidak menghormati lambang negara

.....

[1 markah]

ii. Mengapa mereka berbuat di (c) i ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- 4 Dasar Ekonomi Baru mengandungi Rancangan Malaysia Kedua sehingga Rancangan Malaysia Kelima.

(a) Nyatakan matlamat dasar tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan kejayaan yang dicapai melalui Dasar Ekonomi Baru.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Penglibatan sektor swasta dapat memacu perkembangan ekonomi negara ke peringkat global (dunia).

Beri ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]


**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

5. Peningkatan ekonomi yang berlaku dalam tamadun India dan China bukan sahaja membawa kemajuan kepada mereka malah turut menyumbang kepada perkembangan peradaban manusia hari ini.
- (a) Mengapakah aktiviti perdagangan dalam tamadun India berkembang pesat pada abad ketiga S.M? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah tamadun China mencapai kemajuan dalam bidang pertanian? [6 markah]
- (c) Berdasarkan kegiatan ekonomi tamadun India dan China, pilih satu kegiatan yang sesuai dilaksanakan di negara kita.  
Beri hujah anda. [8 markah]
6. Maklumat berikut berkaitan kehidupan masyarakat jahiliah di Semenanjung Tanah Arab sebelum kedatangan Islam.
- Nabi Muhammad s.a.w bertahanuth (mengasingkan diri kepada Allah) di Gua Hirak dalam usaha untuk mengubah nilai yang dipegang oleh masyarakat Arab di sekelilingnya.
- (a) Jelaskan kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. [6 markah]
- (b) Mengapakah perubahan yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w mendapat tentangan daripada orang Arab ketika itu? [6 markah]
- (c) Berikut ialah wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w
- Surah Al-Alaq (Ayat 1-5)  
Allah memerintahkan umat Islam supaya membaca
- Apakah kesan daripada turunnya surah tersebut kepada perkembangan tamadun manusia sehingga kini? [8 markah]

7. Rajah berikut berkaitan sistem pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam



- (a) Bagaimanakah masyarakat Melayu tradisional melaksanakan pendidikan tidak formal? [6 markah]
- (b) Terangkan institusi pendidikan formal berikut:-
- (i) Pendidikan pondok  
(ii) Sistem Madrasah [6 markah]
- (c) Mengapakah pendidikan tidak formal perlu seiring dengan pendidikan formal di negara kita pada hari ini? [8 markah]
8. Kedatangan British ke Tanah Melayu pada abad ke-19 telah menyebabkan ekonomi dagangan berkembang pesat dan membawa perubahan terhadap pembangunan infrastruktur dan sosial.
- (a) Mengapakah British memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi dagangan? [4 markah]
- (b) Maklumat berikut ialah perubahan yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu.
- Institusi kewangan
  - Sistem pengangkutan
- Mengapakah British berbuat demikian? [8 markah]
- (c) Sejauh manakah ekonomi dagangan yang dilaksanakan oleh British meninggalkan kesan kepada masyarakat Melayu? [8 markah]

9 Maklumat di bawah antara faktor penentangan pemimpin tempatan terhadap British

- Sistem pentadbiran Barat
- Eksloitasi terhadap ekonomi tempatan

(a) Jelaskan sebab penentangan tersebut. [4 markah]

(b) Pilih salah seorang pemimpin setiap negeri berikut dan ceritakan penentangan yang berlaku terhadap British .

[8 markah]

- i. Sarawak
- ii. Terengganu

(c) Mengapakah perjuangan pemimpin tempatan bersifat setempat?

[8 markah]

10 Pelbagai usaha telah dilakukan oleh penduduk di Tanah Melayu untuk menghasilkan pakatan murni bagi menyelesaikan tuntutan kaum yang berbeza-beza.

(a) Terangkan usaha penduduk pelbagai kaum mengadakan pakatan murni sehingga tahun 1955 [6 markah]

(b) Penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu telah berjaya mengadakan pakatan murni sehingga mencapai kemerdekaan.

Buktikan pernyataan ini [6 markah]

(c) Mengapakah generasi hari ini patut memahami dan mengamalkan konsep kerjasama dan tolak ansur seperti mana terdapat dalam pakatan murni?

[8 markah]

- 11 Jadual di bawah berkaitan dengan perkembangan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 sehingga tahun 2003

Pimpinan	Tahap
Tunku Abdul Rahman	Tahap Pertama
Tun Abdul Razak Tun Hussein Onn	Tahap Kedua
Tun Dr Mahathir Mohamad	Tahap Ketiga

- (a) Jelaskan tentang dasar luar Malaysia tahap pertama [6 markah]
- (b) Terangkan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap kedua dan ketiga [6 markah]
- (c) Bagaimakah dasar luar Malaysia pada hari ini memberi manfaat ke arah mengekalkan kesejahteraan dan keamanan sejagat? [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**